

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 18 NOVEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 54**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1533-L27278  
**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian akan membangunkan Large Language Model (LLM) tersendiri serta apakah langkah yang diambil untuk memastikan nilai dan budaya setempat tidak terabai kerana sehingga kini tiada sebarang mekanisme kawalan Kecerdasan Buatan (AI) yang digubal.
2. PR-1533-L26694  
**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian bagi meningkatkan bilangan pusat autisme di seluruh negara dan sejauh mana bantuan serta insentif yang diberikan kepada pengusaha swasta dalam usaha ini.
3. PR-1533-L26867  
**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melindungi industri tempatan daripada impak kapasiti berlebihan (*overcapacity*) pembuatan China termasuk tekanan harga kepada produk tempatan dan menghalang perkembangan sektor pembuatan negara serta strategi untuk memastikan daya saing sektor perindustrian Malaysia tetap berdaya maju.
4. PR-1533-L26147  
**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu GISBH yang telah timbul kembali sejak sekian lama.

5. PR-1533-L27580  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci:
- (a) jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan berserta peratusan dan jumlah projek bagi tahun 2024 untuk setiap negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia serta jumlah prestasi belanja berbanding peruntukan asal setakat bulan Oktober 2024; dan
  - (b) apakah penambahbaikan dari sudut prosedur pelaksanaan projek di Sabah dan di Sarawak agar lebih berkesan dan tidak mengalami kelewatan.
6. PR-1533-L26710  
**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa bilangan usahawan yang dilahirkan serta dilatih melalui Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp. sehingga tahun 2024 dan berapa jumlah dana peruntukan atau geran yang telah diagihkan kepada usahawan ini.
7. PR-1533-L27537  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Kerajaan akan memperkenalkan undang-undang yang memberikan kuasa kepada pihak polis atau bank untuk menyekat sementara urusan niaga perbankan bagi individu yang menjadi sasaran penipuan tetapi enggan mempercayai bahawa mereka sedang diperdaya. Berapa mangsa penipuan tersebut telah membuat laporan polis dan jumlah kerugian mereka sejak tahun 2023.
8. PR-1533-L27124  
**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan, strategi dan langkah Kerajaan bagi membangunkan wilayah utara Semenanjung Malaysia seperti Kulim (Kedah), Pulau Pinang dan Perak utara sebagai *cluster* Elektrikal dan Elektronik bagi Malaysia.
9. PR-1533-L26937  
**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi jangka panjang dan pendek Kementerian dalam merencanakan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.

10. PR-1533-L26351  
**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi menangani masalah kenaikan harga barang yang membawa kepada kesan inflasi sehingga mengakibatkan kuasa beli pengguna mengecil.
11. PR-1533-L27011  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :
- (a) berapa banyak EV yang dijangkakan akan berada di atas jalan raya oleh Kementerian menjelang 2030 dan apakah bentuk peruntukan khusus untuk pembangunan infrastruktur pengecas EV atau Operator Pusat Mengecaj dalam Belanjawan semasa; dan
  - (b) strategi jangka panjang Kementerian untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik dan pembinaan infrastruktur mengecaj.
12. PR-1533-L26103  
**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan undang-undang yang diambil kepada peniaga-peniaga bukan Islam yang telah mengambil kesempatan dengan menggunakan nama, cop dan logo yang lazimnya digunakan oleh orang Islam seperti masjid, berkat dan sebagainya yang mana ianya boleh menyebabkan kekeliruan kepada umat Islam berkenaan status halal.
13. PR-1533-L26028  
**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bentuk kerjasama serantau yang dijalinkan oleh Malaysia untuk menangani konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Apakah inisiatif yang diambil untuk meningkatkan kerjasama dengan negara-negara jiran dan pihak antarabangsa dalam menyelesaikan isu ini secara damai.
14. PR-1533-L26085  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah pengawalan ajaran sesat dan nyatakan jumlah terbaru ajaran sesat yang muncul di negara ini.

15. PR-1533-L26704  
**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi memulihara populasi harimau untuk generasi akan datang. Tambahan pula, isu kematian harimau akibat *roadkill* yang menyebabkan populasi harimau terjejas serta pengecilan habitat, pemburuan haram dan sebagainya turut memburukkan lagi keadaan.
16. PR-1533-L26657  
**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini rundingan dan tuntutan penurunan kuasa bagi memberi autonomi dalam pentadbiran bagi sektor pendidikan dan kesihatan kepada Kerajaan Sarawak.
17. PR-1533-L26688  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan selepas Kementerian Luar Negeri China menghantar surat bantahan bertarikh 18 Februari 2024 mengenai penerokaan minyak oleh Malaysia di Laut China Selatan, bagaimana Wisma Putra menjawab bantahan itu dan siapakah yang mendedahkan surat tersebut.
18. PR-1533-L26334  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :
- (a) berapa luas kawasan hutan diceroboh Kerajaan negeri dan namakan kawasan hutan tersebut; dan
  - (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk penguatkuasaan dan penanaman semula.
19. PR-1533-L26604  
**Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :
- (a) berapa jumlah eksport kereta jenama tempatan dari tahun 2019 hingga 2024; dan
  - (b) apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan kapasiti pemain industri automotif tempatan bagi meningkatkan eksport kenderaan termasuk alat ganti dan komponen.

20. PR-1533-L27039  
**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status semakan terhadap Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] bagi mencari solusi pembinaan rumah generasi kedua FELDA dan jangkaan tempoh masa isu mendesak ini mampu diselesaikan.
21. PR-1533-L27350  
**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan melalui dasar peluang kedua kepada golongan muda berumur empat puluh tahun ke bawah dan jumlah hutang tidak melebihi RM200,000 yang dilepaskan status muflis, adakah Kerajaan mempunyai inisiatif untuk membantu golongan ini daripada aspek peningkatan ekonomi dan berapa penerima manfaat daripada dasar ini.
22. PR-1533-L27045  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi perubahan iklim di Malaysia terutamanya peningkatan suhu dan kekurangan air hujan sehingga 36.3% di sesetengah tempat mengikut laporan Kementerian Tenaga, Sains dan Perubahan Iklim pada tahun 2018.
23. PR-1533-L27360  
**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan untuk menyertai BRICS dan apakah impak kepada rakyat dan negara.
24. PR-1533-L27557  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil perjumpaan khas dengan wakil rakyat berketurunan India daripada Kerajaan Perpaduan pada bulan September dan adakah perjumpaan serupa akan diadakan dengan wakil rakyat berketurunan Cina daripada Kerajaan Perpaduan dan sekiranya tidak, mengapa.
25. PR-1533-L27390  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam pemberian elaun kepada badan beruniform parti politik menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

26. PR-1533-L26636  
**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian ada perancangan untuk bekerjasama dengan sektor swasta untuk memastikan latihan dan pendidikan teknikal serta vokasional (TVET) selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.
27. PR-1533-L26487  
**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini rundingan hak minyak dan gas antara Petronas dan Sarawak serta penyelesaian terhadap sebarang prospek pertikaian mengambil kira laporan bahawa Petronas sedang mempertimbangkan untuk mengambil tindakan undang-undang dan implikasinya secara menyeluruh.
28. PR-1533-L27460  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Akta Keselamatan Siber 2024 akan dilaksanakan, dipantau dan dikuatkuasakan. Adakah Kementerian akan menubuhkan mekanisme '*task force*' atau '*watchdog*' untuk mengawasi penguatkuasaan akta tersebut.
29. PR-1533-L26346  
**Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pelan menyeluruh Kerajaan terhadap pertumbuhan industri semikonduktor seiring dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) ke arah memacu perdagangan pembuatan termasuk pengeksportan cip semikonduktor di sebalik perang perdagangan Amerika Syarikat-China.
30. PR-1533-L26208  
**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan amalan mengumumkan projek di negeri yang dilawati oleh pemimpin Kerajaan termasuk dalam tempoh Pilihan Raya Kecil (PRK).
31. PR-1533-L26376  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan memanfaatkan posisi sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan bagi mengukuhkan kerjasama dengan negara-negara anggota menghadapi tuntutan wilayah oleh China di Laut China Selatan bagi menjamin kedaulatan perairan negara.

32. PR-1533-L26089

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) perancangan terperinci untuk meningkatkan keupayaan merentas rantai nilai semikonduktor melalui Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) Malaysia; dan
- (b) apakah garis masa untuk mencapai sasaran bagi menarik sekurang-kurangnya RM500 bilion pelaburan di bawah Fasa 1 NSS, serta manfaat limpahan ekonomi kepada rakyat dan penciptaan peluang pekerjaan.

33. PR-1533-L26219

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian laporan penyiasatan daripada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung dengan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

34. PR-1533-L27102

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam membantu membina kembali keperluan asas penduduk Gaza termasuk rumah penduduk, sekolah dan hospital yang telah dimusnahkan rejim Zionis Israel dengan zalim dan rakus.

35. PR-1533-L26724

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025 dalam merungkai krisis kemanusiaan di Myanmar yang kian meruncing dan kajian untuk menempatkan pelarian Myanmar di mana-mana pulau terpilih yang didana oleh negara ketiga, UNHCR dan ASEAN.

36. PR-1533-L26764

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :

- (a) langkah-langkah intervensi yang dilakukan oleh Kerajaan bagi menangani isu kapal peninjau Tentera China dan Pengawal Pantai China yang mengganggu eksplorasi minyak di perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia; dan
- (b) tindakan Kerajaan dalam memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja di luar persisiran pantai berkenaan.

37. PR-1533-L26249  
**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes pendakwaan berkaitan 3R yang menyentuh perihal kaum, agama Islam dan Raja-raja yang sudah dibicarakan serta disabit dengan hukuman sejak awal tahun 2023.
38. PR-1533-L26403  
**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk melaksanakan audit tahunan pusat penjagaan anak bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan pengusaha TASKA mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
39. PR-1533-L26233  
**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :
- (a) perincian bagaimana penyerahan dana Pembangunan Harta Wakaf diagihkan kepada setiap negeri; dan
  - (b) senaraikan jumlah projek dan peruntukan yang diluluskan di bawah Pembangunan Harta Wakaf untuk tempoh 2021 sehingga 2025.
40. PR-1533-L26279  
**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kuasa kepada pengamal Pesuruhjaya Sumpah untuk melakukan salinan diakui sah pada sebarang dokumen (*CTC/certified true copy*) untuk memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan tersebut.



**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2025 (D.R.45/2024) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lapan puluh lapan bilion ringgit (RM88,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2025, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 14 November 2024 )**

- |    |                 |  |                               |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | ( D.R.43/2024 ) | Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024                                      | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R.19/2024 ) | Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024.                                     | “                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 4. | ( D.R.18/2024 ) | Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. | “                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |
| 5. | ( D.R.20/2024 ) | Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024.   | “                             |
|    |                 | <b>[ Perdana Menteri ]</b>   |                               |

6. ( D.R.44/2024 ) Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Pengangkutan ]**

7. ( D.R.46/2024 ) Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024. “

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

8. PR-1533-U(27)339  
**Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dan meningkatkan kadar gaji minimum. Kali terakhir Kerajaan menyemak semula gaji minimum pada Mei 2022 dengan kenaikan daripada RM1,200 kepada RM1,500. Walaupun kenaikan itu merupakan langkah positif terutama dalam menyediakan taraf hidup yang lebih selesa bagi mereka yang berpendapatan rendah, kebimbangan kekal mengenai kesan jangka panjangnya disebabkan potensi inflasi.

Adalah diharapkan peningkatan gaji minimum dapat diuruskan dengan baik bagi merangsang pertumbuhan produktiviti perniagaan. Adalah penting untuk menangani cabaran seperti kemerosotan daya saing dan kekurangan bakat mahir. Kerajaan mesti melabur dalam teknologi, peningkatan kemahiran tenaga kerja dan langkah kalis masa depan sambil menguruskan tekanan inflasi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sudah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji kenaikan gaji minimum bagi membantu mengurangkan kemiskinan dan ketidaksetaraan di samping mengimbangi tekanan inflasi dan mengekalkan daya saing ekonomi."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

9. PR-1533-U(27)340  
**Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula GST supaya dapat mengimbangi keperluan fiskal negara yang semakin meningkat.

Peralihan daripada GST kepada SST pada 2018 telah mengurangkan hasil cukai dengan ketara. Walaupun kadar Cukai Perkhidmatan telah meningkat dari 6% kepada 8% pada 2024, hasil tahunan kekal jauh di bawah paras era GST. Kekurangan ini menghalang pembangunan infrastruktur.

Sudah tiba masanya pengenalan semula GST dan sistem pulangan cukai yang lebih cekap dan efisien akan merangsang pertumbuhan pendapatan Kerajaan. Hasil ini mestilah disalurkan untuk pembangunan infrastruktur justeru terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Adalah diharapkan pelaporan yang telus tentang penggunaan kutipan cukai tersedia bagi terus membina kepercayaan masyarakat umum terhadap keperluan kutipan cukai yang lebih efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

10. PR-1533-U(27)341

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji dan menyediakan satu kaedah yang mampan bagi membiayai perkhidmatan kesihatan awam dalam negara.

Sistem penjagaan kesihatan Malaysia menghadapi kos yang semakin meningkat, pergantungan yang besar kepada pembiayaan Kerajaan, perbelanjaan isi rumah tinggi, perlindungan insurans yang terhad, dan ketidaksamaan dalam akses penjagaan kesihatan. Sistem perkhidmatan kesihatan awam berada di bawah tekanan, manakala penjagaan swasta masih tidak mampu dimiliki oleh ramai orang.

Sudah tiba masanya satu kaedah yang inklusif bagi menjamin kemampuan sistem perkhidmatan kesihatan negara di samping terus memberikan perkhidmatan yang cekap kepada masyarakat umum."

**[ Menteri Kesihatan ]**

11. PR-1533-U(27)342

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk membentangkan satu Kertas Putih Kesihatan Mental Kebangsaan.

1 daripada 3 rakyat Malaysia mempunyai isu kesihatan mental, dengan jumlah tertinggi adalah di kalangan mereka yang berumur 16-19 tahun serta mereka daripada keluarga berpendapatan rendah.

Kesihatan mental turut menjejaskan satu daripada enam kanak-kanak berumur lima hingga 15 tahun di Malaysia. Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak telah melonjak daripada 7.9% pada 2019 kepada 16.5% pada 2023.

Adalah diharapkan, kertas putih ini dapat menggariskan isu dan punca masalah mental yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat supaya semua pemegang taruh memberikan solusi terbaik bagi menangani masalah ini."

**[ Menteri Kesihatan ]**

12. PR-1533-U(27)346

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

13. PR-1533-U(27)348

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaiannya ibu bapa dan penjaga Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkukuh dan direalisasikan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

14. PR-1533-U(27)350

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, perancangan jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*)."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

15. PR-1533-U(27)352

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

16. PR-1533-U(27)353

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaikpulihan dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1533-U(27)354

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

18. PR-1533-U(27)355

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

19. PR-1533-U(27)356

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi ]**

20. PR-1533-U(27)357

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.



Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya FreeFlow ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

21. PR-1533-U(27)358

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh hal yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekali gus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan Sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya."

**[ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ]**

22. PR-1533-U(27)359

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan Kerajaan."

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

23. PR-1533-U(27)360

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan negeri Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan Negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut."

**[ Menteri Kewangan ]**

24. PR-1533-U(27)361

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1533-U(27)343

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan *Value Added Tax* (VAT) pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 150 negara.

Kerajaan boleh menstruktur semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barangan dan perkhidmatan dengan sesetengah barangan boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif."

**[ Menteri Kewangan ]**

26. PR-1533-U(27)344

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk segera mengambil ketetapan dalam menangani isu kritikal kemudahan penjagaan kesihatan awam yang kekurangan tenaga mencukupi. Malah, hampir ke semua klinik dan hospital Kerajaan di seluruh negara dilaporkan beroperasi dalam keadaan kurang kakitangan sehingga menyebabkan berlaku lambakan tugas dan memanjangkan lagi tempoh menunggu.

Dengan mengambil kira laporan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) yang mendapati hanya lima peratus kemudahan penjagaan kesihatan awam di negara ini mempunyai tenaga yang mencukupi, sudah tiba masanya untuk Kerajaan menyediakan solusi yang lebih konkrit serta komprehensif bagi mengelakkan keruntuhan sistem kesihatan negara.

Fenomena perhijrahan cendekiawan, dengan peningkatan mendadak doktor yang berhenti dan tidak menerima jawatan tetap adalah satu perkara yang serius dan memerlukan tindakan segera dari Kerajaan. Kebimbangan ini perlu dirawati menerusi reformasi industri kesihatan terutamanya apabila Kertas Putih Kesihatan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lalu."

**[ Menteri Kesihatan ]**

27. PR-1533-U(27)345

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

**[ Menteri Kewangan ]**

28. PR-1533-U(27)347

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menubuhkan satu suruhanjaya bagi menyiasat kes-kes serta isu-isu jenayah eksploitasi kanak-kanak merangkumi penderaan, pengantunan dan eksploitasi yang semakin berleluasa di Malaysia.

Kebelakangan ini negara kita telah digemparkan dengan kes terkait 'Global Ikhwan Service and Business Holding' (GISB) sepertimana yang dilaporkan oleh pihak media dan juga isu membabitkan "Abang Bas" yang tular di media sosial yang memperlihatkan jenayah berkaitan kanak-kanak seakan sudah menjadi barah di negara kita.

Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dalam menangani isu ini bagi memastikan kanak-kanak di negara kita dapat menikmati masa kecil mereka dalam persekitaran yang lebih selamat dan kondusif."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

29. PR-1533-U(27)349

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian kajian yang menyeluruh bagi fasiliti ataupun jalan raya yang terdapat kebarangkalian dan boleh diklasifikasikan sebagai titik panas untuk berlakunya kejadian lubang benam (*sink hole*) yang semakin menjadi kerisauan dalam kalangan warga kota mutakhir ini.

Kebelakangan ini, kita telah dikejutkan dengan insiden yang mengakibatkan peristiwa menyayat hati, telah meragut nyawa seorang wanita susulan kejadian tanah mendap yang berlaku di kawasan Masjid India, di ibu kota Kuala Lumpur selain beberapa kejadian lain yang berlaku di Jalan Sultan Ismail, Pantai Dalam dan juga di Kompleks Bunga Raya, Terminal KLIA.

Kewujudan lubang benam ini ternyata mencetuskan polemik dalam kalangan rakyat mengenai sejauh manakah Kuala Lumpur ini selamat untuk diduduki pada masa akan datang. Pembangunan tanpa henti, sistem saliran yang huru hara, kejadian mendapan atau pasir jerlus, pengaliran keluar air bawah tanah, bebanan melampau, pergerakan fizikal termasuk pembangunan persekitaran dilihat antara faktor kepada fenomena ini untuk berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih holistik bagi melenyapkan keresahan rakyat dengan melakukan pemetaan semula serta ujian integriti untuk semua sistem saliran di seluruh Kuala Lumpur bagi memastikan tiada lagi kejadian yang tidak diingini daripada berlaku. Adalah lebih baik kita mencegah daripada merawat sebelum berlaku kejadian yang lebih teruk."

**[ Perdana Menteri ]**

30. PR-1533-U(27)351

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dengan lebih mendalam dan penuh hikmah berhubung laporan bertajuk 'Transitioning Futures, Anticipating Change: Socioeconomic Futures of Malaysia's Climate and Demographic Transition', oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) yang membangkitkan kebimbangan mengenai perubahan akibat perubahan iklim dan demografi masa depan.

Hari terpanas Malaysia pada tahun 2050 dijangka mencecah pada suhu 40.8°C dan juga turut akan menjadi sebuah negara yang diklasifikasikan sebagai sangat tua (*super-aged*) menjelang tahun 2056.

Malaysia dianggar memerlukan hampir RM392 bilion bagi menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dalam tempoh 50 tahun mendatang dan dengan pertumbuhan penduduk yang lebih perlahan dan tenaga kerja yang mengecut akan menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menurun sebanyak satu pertiga menjelang 2050.

Justeru, Kerajaan perlu mengambil pendekatan proaktif bermula sekarang dalam menangani isu perubahan iklim dan isu tenaga kerja yang semakin tua yang secara tidak langsung memberi kesan kritikal terhadap struktur ekonomi serta pasaran buruh kerana kedua-duanya mempengaruhi mata pencarian dan kestabilan ekonomi negara."

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

31. PR-1533-U(27)362

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima kewujudan Seksyen (1) Perkara 112C Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dan Seksyen (2) Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Persekutuan serta penguatkuasaannya dan menerima hakikat bahawa hak ini adalah hak-hak Perlembagaan Rakyat Sabah.

Menerima juga hakikat bahawa terdapat kekeliruan dalam pelaksanaan hak-hak perlembagaan ini dan bahawa selama 44 tahun (1974 – 2018), kadar pemberian khas di bawah peruntukan tersebut gagal dikaji oleh Kerajaan Persekutuan.

Memperakui langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan selepas penubuhan kerajaan Pakatan Harapan 2018 sehingga kini iaitu bermula dengan menaikkan pemberian kepada RM53.4 juta, kemudian dinaikkan Kerajaan Perikatan Nasional ke RM125.6 juta, pada tahun 2023, dan kemudian Kerajaan Madani naikkan kepada RM300 juta dan baru-baru ini dinaikkan lagi kepada RM600 juta.

Dan menerima hakikat bahawa semua langkah-langkah ini bersifat sementara (interim) sebelum Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk melaksanakan hak Perlembagaan Rakyat Sabah sepenuhnya.

Menerima hakikat bahawa pelaksanaan ini mengambil masa begitu panjang sehingga sekarang iaitu negara Malaysia sudah berusia 61 tahun.

Maka, Tuaran ingin mengusulkan supaya Dewan yang mulia ini membuat keputusan untuk melaksanakan Hak Perlembagaan Rakyat Sabah ini secara tuntas termasuk meminda perkara 97 (1) Perlembagaan Malaysia untuk membolehkan kerajaan Sabah memungut 40% daripada pungutan hasil Persekutuan daripada Sabah secara langsung."

**[ Perdana Menteri ]**

32. PR-1533-U(27)363

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurangnya lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada Federal Task Force di bawah Majlis Keselamatan Negara, terdapat kecelaruan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehinggakan penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad banci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian. Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi selepas beranak pinak di Sabah, sehingga kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

### [ Perdana Menteri ]

33. PR-1533-U(27)364

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa masih terdapat beberapa negara yang mengeluarkan Travel Advisory Note terhadap rakyat mereka.

Dan menerima hakikat bahawa Travel Advisory Note ini membantutkan pelaburan dan perkembangan industri pelancongan terutama sekali di Pantai Timur, Sabah.

Menerima hakikat bahawa kerajaan telah pun menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) pada 1 April 2013 dan telah pun beroperasi selama 11 tahun hingga kini.



Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan Sabah sudah membelanjakan berjuta ringgit untuk ESSCOM.

Menerima hakikat bahawa dua taman perindustrian di Sabah terletak di Pantai Timur iaitu Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Sandakan dan POIC Lahad Datu, yang mana kejayaan mereka adalah bergantung kepada hal-ehwal keselamatan.

Oleh itu, Dewan yang mulia ini perlu ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan keadaan keselamatan di Pantai Timur Sabah terkawal, sehingga negara-negara yang mengeluarkan Travel Advisory Note tersebut mengubah amaran atau dasar mereka."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

34. PR-1533-U(27)365

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar jualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

### **[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

35. PR-1533-U(27)366

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih lagi luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkat keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

### **[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

36. PR-1533-U(27)367

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan Elektrik di Sabah telah pun diserahkan kepada Kerajaan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan selepas Kelulusan Rang Undang-Undang Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 (Akta 725) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 (Akta 726) dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 2023.

Menerima hakikat penyerahan kawal selia telah dimuktamadkan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan tiga Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan Negeri Sabah pada 03 Januari 2024 berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada kerajaan Persekutuan membabitkan RUU Bekalan Elektrik 2024, Tenaga Boleh Baharu 2024 dan RUU Suruhanjaya Tenaga Sabah (Pindaan) 2024.

Dan menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah kini berada di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS), manakala Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia.

Menerima juga hakikat bahawa syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan satu-satunya syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik kepada Wilayah Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Dan menerima hakikat bahawa jarak geografi Labuan adalah lebih dekat dengan Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Justeru, Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi membuat keputusan pemindahan kawal selia bekalan elektrik Labuan daripada ST kepada ECoS bagi memudahkan pemantauan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta mempermudah segala urusan dan menjimatkan kos."

### **[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

37. PR-1533-U(27)368

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Menerima hakikat sejarah bahawa Pulau Labuan diserahkan oleh Kerajaan Sabah menjadi Wilayah Persekutuan dengan niat suci untuk tujuan membangunkan Labuan dengan pesat.

Menerima hakikat Kerajaan Persekutuan telah gagal membangunkan Labuan termasuklah menyediakan utiliti bekalan air dan elektrik.

Menerima hakikat bahawa rakyat Labuan adalah juga rakyat Sabah yang masih terikat dengan adat istiadat Sabah dan oleh itu masih lagi memerlukan perkhidmatan sistem Mahkamah Anak Negeri dan seterusnya memerlukan bimbingan dan perkhidmatan di pelbagai agensi Kerajaan Sabah.

Menerima hakikat bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat tanpa mengambil kira kesan terhadap persempadanan Sabah.

Dan menerima hakikat penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak diberi pampasan walau satu sen pun kepada Sabah.

Menerima hakikat bahawa Pulau Labuan terlalu dekat dengan Sabah, dan penduduk serta rakyat Labuan mempunyai ikatan yang sangat kuat dengan penduduk Sabah.

Maka dengan itu, Tuaran mengusulkan di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan mengembalikan semula Labuan kepada Sabah."

**[ Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
<p style="text-align: center;">YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keperluan Untuk Menaik Taraf Infrastruktur di Pekan Rantau Panjang bagi Meningkatkan Tarikan Pelancongan dan Merancakkan Ekonomi Setempat</li> <li>2. Pembukaan Semula Perkhidmatan Kereta Api di Pintu Masuk Utama Pantai Timur di Rantau Panjang – Pekan Golok</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya</li> <li>2. YB Menteri Pengangkutan</li> </ol>
<p style="text-align: center;">YB Tuan Wong Chen [Subang]</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Langkah Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Rakyat Malaysia di Luar Negara</li> <li>2. Kesan UPOV 1991 dan Rang Undang-Undang Benih Tanaman terhadap Petani Kecil dan Keterjaminan Makanan Negara</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri Luar Negeri</li> <li>2. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan</li> </ol>

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**